



SIARAN AKHBAR

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI LANCAR PLATFORM DIGITAL USAHAWAN DAN BELI BELAH KELUARGA MALAYSIA

PUTRAJAYA, 12 APRIL 2022 – Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) telah melancarkan sebuah platform digital dikenali sebagai MyMall. MyMall merupakan inisiatif KUSKOP dalam memastikan pembangunan ekosistem keusahawanan yang inklusif. Platform digital MyMall ini menjamin caj kepada usahawan serta pembeli diselaraskan pada kadar yang minimum, tanpa kewujudan sebarang caj tersembunyi.

MyMall menggabungkan empat platform e-dagang iaitu ODELA, Pybli, Angsana Virtual Mall dan WarongKu. Melalui penggabungan tersebut, pengguna yang terdiri daripada usahawan dan pembeli akan lebih mudah untuk mencapai perkhidmatan-perkhidmatan e-dagang di bawah KUSKOP. Penggabungan ini bakal mewujudkan pasaran yang lebih luas kepada produk-produk usahawan tempatan yang terlibat serta menawarkan lebih banyak pilihan kepada pengguna. Di samping itu, usahawan informal, mikro, kecil dan sederhana dapat memperluas pasaran perniagaan mereka dengan kos yang lebih rendah serta menjimatkan kos promosi.

Pembangunan platform MyMall akan dilaksanakan secara berperingkat melalui empat fasa. Fasa pertama yang telah pun bermula sekarang melibatkan integrasi awal untuk keempat-empat platform tersebut. Fasa-fasa berikutnya akan menyaksikan platform ini ditambah baik sebagai pusat maklumat kepada usahawan untuk mendapatkan informasi berhubung pembiayaan, latihan atau pembangunan kapasiti, pemasaran, serta pelaksanaan ujian psikometrik keusahawanan. Ini akan menjadikan MyMall lebih bercirikan “*super app*” iaitu penawaran akses kepada pelbagai perkhidmatan keusahawanan.

KUSKOP mensasarkan peningkatan jumlah usahawan sebanyak 20% bagi tahun pertama pelaksanaan MyMall. Usahawan informal, mikro, kecil dan sederhana yang berminat untuk terlibat dalam platform digital MyMall boleh mendaftar melalui pautan berikut:

<http://www.mymallmalaysia.my/roi>

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI
12 APRIL 2022